



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK BAGI PENJAWAT AWAM SELARAS DENGAN REALITI IKLIM TEMPATAN DAN KEPERLUAN KECEKAPAN TENAGA

Mengambil kira kesesuaian pakaian bekerja penjawat awam dengan realiti iklim tempatan dan keperluan kecekapan tenaga di premis Kerajaan, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju agar semua penjawat awam diberi kebenaran dan kelonggaran untuk memakai pakaian batik pada waktu bekerja tidak hanya pada hari Khamis seperti sebelum ini.

Saya telah membentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Energy Efficiency and Conservation Act (EECA) dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Ogos 2023. Turut dibangkitkan dalam pembentangan tersebut adalah berkenaan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2014: Garis Panduan Kaedah Penjimatan Tenaga di Pejabat dan Premis Kerajaan yang antara lain menetapkan supaya suhu di bangunan dan premis Kerajaan diselaraskan kepada 24°C hingga 25°C.

Keputusan yang dicapai telah mengambil kira iklim di negara ini dan juga komitmen Kerajaan untuk mencapai aspirasi pembebasan gas rumah hijau (GHG) sifar bersih seawal tahun 2050 dengan mengurangkan jejak karbon daripada amalan penggunaan tenaga elektrik.

Hal ini bagi memberi keselesaan kepada penjawat awam untuk menyesuaikan cara pemakaian dengan perubahan suhu premis yang telah ditetapkan dalam usaha kerajaan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, menyokong inisiatif kecekapan tenaga dan sekali gus merangsang pembangunan industri batik Malaysia.

Cadangan perubahan terhadap kod etika pakaian ini juga akan dipanjangkan kepada semua Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
22 OGOS 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia